

29/08/1997

Dana tempatan diarah masuki BSKL: PM (HL)

A Nazri Abdullah; Hafifi Hafidz

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan hari ini mengarah institusi dana tempatan memasuki Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) secara aktif selepas Jawatankuasa BSKL semalam mengenakan sekatan sekuriti bertanda ke atas 100 kaunter bagi mengekang manipulasi penjualan tanpa pemilikan saham.

Mengumumkan beberapa langkah terbaru termasuk mengarahkan bank tempatan menghentikan jaminan pinjaman sekuriti kepada spekulator, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, ia bertujuan menyekat dana asing daripada terus menyerang untuk menjatuhkan harga saham di BSKL.

Memberitahu sidang akhbar di pejabatnya hari ini, Perdana Menteri berkata langkah terbaru itu berikutan ada bukti institusi asing termasuk yang diuruskan oleh George Soros, mula mengalih tumpuan serangan mereka daripada pasaran mata wang kepada manipulasi pasaran ekuiti.

"Ini terbukti kerana kejatuhan harga saham kini seolah-olah tiada kaitan langsung dengan keuntungan yang dicatatkan di BSKL. Sebagai contoh, saham Maybank masih berterusan jatuh awal pagi ini walaupun selepas bank terbesar itu mengumumkan rekod keuntungan RM2.2 bilion kelmarin," katanya.

BSKL semalam mengumumkan peraturan sekuriti bertanda bagi semua saham 100 syarikat yang menjadi komponen Indeks Komposit berkuatkuasa jam 9.30 pagi ini. Sebarang penjualan saham hanya dibenarkan jika penjualnya mempunyai saham syarikat itu.

Ini bermakna sebelum sesuatu kontrak jualan dibuat, penjual mestilah mempunyai baki sijil saham atau sekuriti yang diiktiraf dan disahkan oleh pendaftar, dalam akaun Sistem Depositori Pusat (CDS) mereka.

Dr Mahathir berkata, langkah institusi tempatan memasuki pasaran, yang akan disokong oleh beberapa tokoh korporat dan institusi asing lain secara sukarela, boleh mengekang sentimen lembap di BSKL yang mencecah 812.18 mata pada penutup hari ini, paras paling rendah dalam tempoh empat tahun daripada berterusan.

"Beberapa tokoh korporat dan orang perseorangan sudah menyatakan kesanggupan untuk turut serta menyokong langkah mencergaskan semula sentimen pasaran.

"Malah beberapa institusi dana asing juga menyatakan persetujuan untuk bersama kita kerana mereka juga percaya inilah masa yang amat baik masuki BSKL secara besar-besaran," katanya.

Menurut Perdana Menteri, antara institusi yang terbabit ialah Kumpulan Wang Simpanan Perkerja (KWSP), Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan beberapa institusi lain yang memiliki dana besar.

"Mereka (institusi tempatan) boleh memasuki pasaran sebanyak yang mungkin. Tiada sekatan dikenakan dan malah ia (modal) boleh mencapai angka berbilion ringgit," katanya.

Beliau juga menasihatkan semua pelabur termasuk yang kecil dan pengurusan syarikat yang disenaraikan BSKL, membeli saham mereka sendiri kerana harganya kini rendah berbanding potensi serta prestasi keuntungan syarikat yang tinggi.

Dr Mahathir berkata, pembelian oleh institusi itu secara langsung juga memberi peluang kepada mereka meraihkan pulangan tinggi dividen berikutan semua syarikat di BSKL mencatatkan keuntungan berlipat kali ganda.

Menjelaskan tindakan bank tempatan tertentu yang menjadi dalang membantu spekulator asing menekan harga dengan memberi jaminan penjelasan sijil bagi urus niaga saham yang dibuat, Dr Mahathir berkata mulai hari ini

kerajaan akan membongkar kegiatan itu dan mengambil tindakan tegas terhadap mereka.

"Kerajaan mempunyai maklumat yang cukup untuk bertindak terhadap mereka. Jika mereka masih enggan memberhentikan bantuan terhadap spekulator terbabit, kita akan bertindak," katanya.

Sambil mengganggarkan BSKL kini mengalami kerugian kira-kira RM400 bilion, Dr Mahathir juga mahu institusi kewangan yang membiayai pembelian saham pelabur supaya bertolak-ansur dengan tidak memaksa peminjam menokok perbezaan margin jika saham yang dibeli mengalami kejatuhan harga.

"Kita percaya jika institusi kewangan lebih fleksibel, pelabur tidak panik dan dipaksa menjual saham mereka yang seterusnya akan menekankan lagi kejatuhan harga di BSKL," katanya.

(END)